



SIJIL KONTRAKTOR

JOHOR

Adalah dengan ini diperakui bahawa kontraktor yang dinyatakan di bawah ini telah berdaftar dengan Johor Centre for Construction Development (JCCD). Pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan bersama sijil perakuan ini.

No. Pendaftaran : JCCD/SKJ/26/02/00052

Nama Kontraktor : CAHAYA DELIMA SDN BHD

Alamat Berdaftar : NO 41, JALAN TERATAI 7
TAMAN JOHOR JAYA
81100 JOHOR BAHRU, JOHOR

Daerah
JOHOR BAHRU

Gred

G4

G4

G4

Kategori Pengkhususan

B

CE

ME

B04, B14, B24

CE01, CE06, CE10, CE21, CE30, CE31,
CE34, CE36, CE42, CE43

E07, E08, M15

No. Pendaftaran MOF
357-0002437027

Kod Bidang MOF
090101, 090201, 140101, 220507, 221003

Pegawai Syarikat Yang Ditauliahkan
MAZRULNIZAM BIN MOKHTAR

No. Kad Pengenalan
810107055103

Tarikh Mula Berkuatkuasa : 07 APRIL 2026

Tarikh Tamat Tempoh Perakuan : 06 APRIL 2029

* Perakuan ini hendaklah diperbaharui setiap tahun, selewatnya-lewatnya 30 hari sebelum tarikh tamat tempoh.


YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

PENGERUSI

JOHOR CENTRE FOR CONSTRUCTION DEVELOPMENT
(JCCD)



13/05/2026 08:49:25

SYARAT - SYARAT

- 1) Syarikat ini dikehendaki berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, mendapatkan lesen, permit atau kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkenaan untuk mengendalikan perkhidmatan atau pembekalan peralatan atau bahan-bahan yang berkaitan dengan operasi atau aktiviti-aktiviti syarikat ini diperlukan.
- 2) Sijil Kontraktor Johor ini tidak boleh dipindahmilik kepada mana-mana syarikat atau pihak lain.
- 3) Sijil Kontraktor Johor ini akan dibatalkan sekiranya syarikat ini didapati berada dalam proses penyelesaian hutang-hutangnya.
- 4) Syarikat ini hendaklah mengambil tindakan segera untuk memenuhi syarat-syarat khas yang dikenakan di dalam lampiran Sijil Kontraktor Johor dan memaklumkan kepada JCCD atas perkembangan tindakan tersebut.
- 5) Syarikat ini tidak dibenarkan mengambil syarikat lain sebagai prinsipal, agen, sub-kontraktor atau sebaliknya untuk memberi apa-apa perkhidmatan atau membekal apa-apa kemudahan, kelengkapan atau peralatan bagi pihaknya tanpa kebenaran bertulis daripada JCCD terlebih dahulu.
- 6) Syarikat hendaklah membenarkan wakil pihak JCCD membuat lawatan pemeriksaan/audit ke atas premis/syarikat dan menyemak/menyalin dokumen-dokumen serta menemubual kakitangan syarikat dan pihak yang berkaitan.
- 7) Sijil Kontraktor Johor ini hendaklah ditunjukkan kepada pegawai-pegawai JCCD apabila dikehendaki untuk diperiksa.
- 8) Sijil Kontraktor Johor ini adalah sah untuk memberi perkhidmatan dan membekal peralatan bagi kod bidang yang tercatat di lampirannya sahaja.
- 9) Syarikat ini boleh dikenakan tindakan sekiranya pada pendapat JCCD, syarikat melakukan satu atau lebih daripada perkara-perkara berikut:
 - 9.1. Gagal melaksanakan kerja yang diberikan sehingga selesai.
 - 9.2. Gagal melaksanakan tanggungjawab kontrak atau mana-mana tanggungjawab lain-lain di bawah undang-undang terhadap rakan kongsi, prinsipal, agen, sub-kontraktor dan sebagainya.
 - 9.3. Menerima *Garnishee Order*.
 - 9.4. Menghadapi tindakan muflis.
 - 9.5. Tidak dapat dikesan melalui alamat terakhir.
 - 9.6. Mengsub-sewakan kerja kepada kontraktor lain.
 - 9.7. Menolak mana-mana kontrak atau tender yang diberikan tanpa memberi alasan yang munasabah.
 - 9.8. Memberi maklumat palsu, tidak tepat dan mengelirukan.
 - 9.9. Melakukan perbuatan yang tidak sewajarnya dengan Sijil Kontraktor Johor.
- 10) Kelulusan ini bukan satu perjanjian atau jaminan bahawa syarikat tuan akan dipanggil menyertai tender atau sebut harga oleh JCCD atau mana-mana agensi kerajaan, pihak-pihak berkuasa tempatan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan.
- 11) Syarikat ini sama ada secara sendirinya, melalui pekerjaanya, pengarahnya, agennya atau kakitangannya:
 - 11.1. Tidak dibenarkan menggunakan logo JCCD atau perkataan "JCCD" atau menggunakan sebarang tanda, logo atau perkataan atau memakai gaya cetakan (*typeface*), gaya huruf (*font*), rupa atau warna yang menyerupai cap-cap dagangan yang dimiliki atau digunakan oleh JCCD dalam sebarang bentuk sekalipun sama ada pada bahan cetakan laman web atau papan tanda. Tidak dibenarkan melakukan apa-apa perbuatan atau apa-apa cara sama ada secara langsung atau tidak langsung mengaku
 - 11.2. bahawa ia adalah rakan kongsi atau mempunyai sebarang kaitan/hubungan dengan JCCD dan/atau syarikat induknya, anak-anak syarikatnya, melainkan dengan kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada JCCD.
- 12) Sijil Kontraktor Johor ini boleh dibatalkan, digantung atau disenarai hitamkan pada bila-bila masa jika mana-mana syarat di atas, syarat-syarat am Sijil Kontraktor Johor dan syarat-syarat lain yang terkandung di dalam Panduan Am Permohonan Sijil Kontraktor Johor JCCD tidak dipatuhi.
- 13) Sijil Kontraktor Johor tidak terikat dengan mana-mana syarat-syarat am sijil Pendaftaran CIDB dan ianya hanya diperakui di negeri Johor berdasarkan projek-projek yang menggunakan Bajet Pembangunan Kerajaan Negeri Johor sahaja atau yang mana berkaitan.
- 14) Sijil Kontraktor Johor ini tidak boleh diterima pakai di mahkamah.
- 15) Walau apapun yang terkandung dalam syarat-syarat am ini, ianya adalah tertakluk kepada pekeliling, arahan, dasar, polisi, prosedur, garis panduan, peraturan dalaman dan peraturan-peraturan dalaman dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Persekutuan dan/atau Negeri dan apa-apa peraturan atau pekeliling Kerajaan Persekutuan dan/atau negeri mana yang berkaitan dengan syarat-syarat ini dari semasa ke semasa.